

Oleh ROSMAH DAIN

Rosmah.dain@utusan.com.my



Jenayah bukan sebab mental

Usah kaitkan jenayah dengan kesihatan mental sebagai penyebab utama

HAMPIR setiap hari ada sahaja laporan mengenai jenayah di dada-dada akhbar atau media massa lain. Adakalanya jenayah yang dilakukan itu tidak terfikir pada kita atau tidak masuk akal langsung.

Kejadian jenayah tembak, kelar atau pembunuhan yang dilakukan nampak macam sewenang-wenangnya berlaku. Si pelakunya kelihatan tidak berperikemanusiaan.

Sesekali kita terfikir mungkin semakin ramai yang sudah tidak waras atau tidak berfikir dengan betul sama ada perbuatan yang dilakukan itu wajar atau tidak atau

dalam erti kata lain mereka ini sudah hilang jiwa dan menghadapi masalah mental.

Menurut Pakar Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Dr. Hazli Zakaria**, inilah yang menjadi masalah dalam masyarakat



DR. HAZLI ZAKARIA

yang sering mengaitkan individu yang melakukan jenayah atau penjenayah itu sebagai terdiri daripada mereka yang menghadapi masalah mental. Persepsi seperti ini adalah tidak tepat.

“Memang ada sesetengah jenayah yang dilakukan oleh individu yang menghadapi masalah mental, tetapi bilangannya adalah sedikit berbanding jenayah yang dilakukan oleh penjenayah yang tidak mempunyai masalah mental.

“Sebagai contoh, ada kes-kes yang dilakukan oleh mereka mengalami penyakit psikiatri atau mental seperti skizofrenia ketika mereka berada di dalam keadaan psikotik ataupun penyakit bipolar ketika golongan ini sedang berada dalam mood yang tinggi.

“Tindakan ganas mereka kebanyakan adalah berpunca daripada kesan langsung daripada tanda dan gejala-gejala penyakit mereka dan juga disebabkan reaksi terhadap cubaan yang dilakukan oleh ahli keluarga untuk mengawal gejala penyakit tersebut.



TRAGEDI yang membawa kepada kematian Nursyuhada Johari pelajar Universiti Teknologi Mara (UITM) Permatang Pauh, Pulau Pinang, yang menjadi mangsa kelar rakan lelaki yang dipercayai mengalami gangguan mental, pada 3 Februari lalu, sesuatu yang amat menyedihkan.

“Penghidap penyakit mental ini terlibat dalam kes-kes keganasan apabila mereka tidak mendapatkan rawatan yang optimum, berhenti mendapatkan rawatan atau mungkin sedang berada dalam pengaruh dadah.

“Jumlahnya juga adalah tidak banyak dan kes-kes yang dilaporkan di

media tidak sesekali menggambarkan keseluruhan kes jenayah yang dilakukan di negara ini,” katanya.

Kata beliau, media hari ini senang untuk diakses daripada pelbagai sudut maya. Jika dahulu orang ramai tidak terdedah dengan pelbagai cerita, tetapi kini dengan sekelip mata, masyarakat

Tindakan ganas mereka kebanyakan adalah berpunca dari kesan langsung daripada tanda dan gejala-gejala penyakit mereka dan juga disebabkan reaksi terhadap cubaan yang dilakukan oleh ahli keluarga untuk mengawal gejala penyakit tersebut.”

sudah tahu segalanya.

Banyak spekulasi dan penambahan cerita yang di laporkan di dalam media sosial yang mana tidak menggambarkan apa yang sebenarnya berlaku.

Menurut Dr. Hazli, kebanyakan jenayah yang melibatkan kes-kes keganasan adalah dilakukan oleh individu yang normal ataupun mereka yang memang ‘jahat’ personaliti mereka dan lazimnya mempunyai personaliti yang boleh di kategorikan di bawah personaliti *antisocial* atau *narcistic*.

Individu seperti ini kata Dr. Hazli, akan cenderung melakukan jenayah

WANITA sering jadi mangsa keganasan. - GAMBAR HIASAN

kerana mereka beranggapan semua yang mereka kehendaki adalah kepunyaan mereka, atau suka ‘mengambil’ hak orang lain. Justeru, mereka akan mendapatkannya dengan menggunakan apa cara pun biarpun menerusi kekerasan.

Menurut beliau, mereka yang bersikap seperti ini pada dasarnya mempunyai sejarah silam yang traumatik dan datang daripada keluarga yang bermasalah.

Mereka juga mungkin dibesarkan dengan cara didikan yang menggunakan kekerasan, tidak terdedah kepada cara dan kelakuan yang positif, dan paling utama tidak mempunyai kepakaran untuk mengawal emosi dan selalunya bersikap *impulsive*.

“Sebagai contoh, kebanyakan lelaki yang memukul isteri bukan individu yang berhadapan dengan masalah mental. Pesakit mental yang keadaan penyakitnya terkawal tidak akan memukul pasangan mereka. Sebaliknya pesakit-pesakit mental yang terdedah menjadi mangsa keganasan.

“Mungkin ada kes-kes memukul yang dilakukan oleh pesakit mental, tetapi dianggarkan majoriti daripada mereka yang melakukan keganasan ini tidak mempunyai masalah mental,” katanya.